



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA



JABATAN PENGAJIAN
KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

BUKU PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU



1. DIPLOMA KOLEJ KOMUNITI
2. SIJIL KOLEJ KOMUNITI
(SKK)
3. SIJIL MODULAR
KEBANGSAAN (SMK)
(*UPSKILLING, RESKILLING*)



2015

A. MAKLUMAT PENDAFTARAN

Bagi pihak warga Kolej Komuniti (KK) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), kami mengucapkan tahniah dan mengalu-alukan kedatangan anda ke Kolej Komuniti KPM. Untuk melancarkan urusan pada hari pendaftaran, anda dinasihatkan supaya membaca maklumat dan arahan di bawah dengan teliti.

1. PENDAFTARAN

- 1.1 Anda dikehendaki hadir untuk melapor diri sebagai pelajar Kolej Komuniti seperti maklumat di dalam **SURAT TAWARAN**.
- 1.2 Semakan dokumen asal akan dilakukan pada hari pendaftaran. Sila bawa semua dokumen **ASAL** yang dikehendaki pada hari pendaftaran.
- 1.3 KPM berhak menarik balik tawaran pengajian di Kolej Komuniti sekiranya terdapat percanggahan maklumat di antara dokumen asal dengan maklumat yang telah anda berikan kepada KPM semasa membuat permohonan.
- 1.4 Sila lengkapkan semua borang yang terdapat di dalam **Buku Panduan Pendaftaran** ini sebelum diserahkan kepada pihak Kolej Komuniti semasa pendaftaran.
- 1.5 Sila bawa empat (4) keping **gambar warna** yang terbaharu **berukuran pasport**. **Semua pelajar hendaklah berpakaian formal dan sopan serta berambut pendek (lelaki sahaja)**. Sila catatkan Nama, No. Kad Pengenalan dan Program anda di belakang setiap keping gambar.

2. BAYARAN

Bil	Perkara	Bayaran (RM)	Cara Bayaran
1.	Yuran Pengajian Bagi Diploma Kolej Komuniti, Sijil Kolej Komuniti (<i>Satu Semester</i>)	200.00	Wang Pos / Kiriman Wang atas nama Pengarah Kolej Komuniti _____ (Nama Kolej Komuniti berkenaan) <i>Sila rujuk di Nota i & ii</i>
			Wang Pos / Kiriman Wang atas nama Ketua Akauntan Kementerian Pendidikan Malaysia <i>Untuk Kolej Komuniti di Negeri Selangor SAHAJA</i>
	Yuran Pengajian Bagi Pelajar yang mengikuti program; SMK (<i>Upskilling / Reskilling</i>)	10.00 Sebulan	Wang Pos / Kiriman Wang atas nama Pengarah Kolej Komuniti _____ (Nama Kolej Komuniti berkenaan) <i>Sila rujuk di Nota i & ii</i>
2.	Bayaran Pelbagai	160.00	Wang Pos / Kiriman Wang atas nama Koperasi Kolej Komuniti _____ (Nama Kolej Komuniti berkenaan) ATAU seperti dalam Surat Pemberitahuan Pendaftaran <i>Sila rujuk di Nota i & ii</i>
3.	Bayaran Insurans & Tabung Aktiviti Suaikenal (Diploma / Sijil Kolej Komuniti)	60.00	Tunai
	Bayaran Insurans; SMK (<i>Upskilling / Reskilling</i>)	16.00	
4.	Segala perbelanjaan pemeriksaan doktor ditanggung oleh pihak pelajar.		

Nota:

- i. Semua bayaran yang dinyatakan perlu dibawa dan dijelaskan semasa hari pendaftaran. **(JANGAN DIPOSKAN)**
- ii. Sila catatkan nama, no. kad pengenalan dan program anda di belakang setiap keping Kiriman Wang. **SEMUA PEMBAYARAN YANG TELAH DIBUAT TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN** sekiranya anda berhenti pengajian di Kolej Komuniti.

3. KEMUDAHAN TEMPAT TINGGAL

- 3.1 Terdapat enam (6) buah Kolej Komuniti yang menyediakan kemudahan asrama iaitu KK Gerik, KK Paya Besar, KK Rompin, KK Jelebu, KK Segamat 2 dan Langkawi Tourism Academy @ KK Langkawi.
- 3.2 Kolej Komuniti yang lain **TIDAK** menyediakan penginapan / asrama. Walau bagaimanapun, pihak Kolej Komuniti akan membantu dalam urusan penginapan pelajar.

4. PAKAIAN DAN RUPA DIRI

4.1 Semasa Hari Pendaftaran

- (a) Pelajar lelaki dikehendaki memakai baju kemeja dan seluar *slack* berwarna gelap.
- (b) Pelajar perempuan dikehendaki memakai baju kurung dan bertudung bagi yang beragama Islam atau berpakaian sopan bagi yang bukan Islam.
- (c) Semua pelajar diwajibkan memakai kasut bertutup dan sarung kaki.
- (d) Topi, baju-T, seluar *jeans*, seluar pendek dan seluar sukan adalah **DILARANG**.

4.2 Semasa Program Suaikenal

Semua pelajar baharu **DIWAJIBKAN** mengikuti Program Suaikenal sebagaimana yang ditetapkan oleh pihak Kolej Komuniti. Sepanjang tempoh program ini pelajar akan mengikuti aktiviti-aktiviti seperti majlis perasmian, taklimat, sukan, riadah, aktiviti kerohanian dan lain-lain aktiviti yang berkaitan. Pelajar diminta membawa pakaian yang bersesuaian dengan aktiviti di atas.

5. PEMBIAYAAN KEWANGAN

Pelajar Kolej Komuniti boleh memohon pinjaman atau bantuan kewangan anjuran KPM seperti berikut:

5.1 Sijil Kolej Komuniti

Bil	Tajaan/ Bantuan
1	Tabung Pinjaman Pelajaran, KPM
2	Bantuan Kewangan Pelajaran, KPM
3	Elaun Khas Orang Kurang Upaya (OKU)
4	Bantuan Agensi-Agensi Lain

5.2 Diploma Kolej Komuniti

Bil	Pinjaman
1	Pinjaman Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN)
2	Bantuan Agensi-Agensi Lain

B. MAKLUMAT DAN ARAHAN AM

1. KULIAH

- 1.1 Pelajar dikehendaki menghadiri kuliah / tutorial / bengkel atau lain-lain pengajaran berhubung dengan program pengajiannya dan MESTILAH :
- Kehadiran tidak kurang 80%.
 - Berada dalam bilik kuliah / tutorial / bengkel tepat pada masa dan mengikut jadual.
 - Mendapat kebenaran pensyarah untuk meninggalkan kuliah / tutorial / bengkel.
 - Memberi alasan bertulis yang munasabah beserta dokumen sokongan jika tidak dapat menghadiri kuliah / tutorial / bengkel.

SEPANJANG MENGIKUTI PENGAJIAN PELAJAR ADALAH TERTAKLUK KEPADA BUKU PANDUAN & PERATURAN KOLEJ KOMUNITI SERTA AKTA 174 (AKTA INSTITUSI)

Contoh Wang Pos Yuran Pengajian;

Mengikut nama Kolej Kolej Komuniti berkenaan

F18484763 7

POS MALAYSIA

POS MALAYSIA BERHAD (229990-M)

WANG POS MALAYSIA
MALAYSIA POSTAL ORDER

F18484763 7

RM 10

Bayar kepada/Pay to **PENGARAH KOLEJ KOMUNITI PASIR SALAK**

Sebanyak/The Sum of **SEPULUH RINGGIT**

di mana-mana Pejabat Pos dalam tempoh TIGA BULAN mulai dari tarikh akhir bulan dikeluarkan.
at any Post Office within THREE MONTHS from the last day of the month of issue.

Tandatangan Penerima/Payee's Signature

No. Kad Pengenalan/Identity Card Number

Tidak dibenarkan melekatkan setem untuk tambah amaan
Stamps are not allowed to be affixed for additional amount

BARCODE: F 1 8 4 8 4 7 6 3 7

2003.10

1. MAKLUMAT PENGIRIM REMITTER'S PARTICULARS

Nama/Name **NAMA PELAJAR**

No. K.P./I.C. No. **NO KAD PENGENALAN PELAJAR**

Alamat/Address **ALAMAT SEMASA PELAJAR**

Tujuan Kiriman/Purpose of sending **YURAN PENGAJIAN**

No. Akaun (jika ada)/Account No. (if any)


(Maklumat tersebut perlu diisi oleh pengirim untuk menyenangkan jika ada pertanyaan, tuntutan kembalikan dan sebagainya.
The above particulars are to be filled by the remitter for easy reference).

- Penerima hendaklah mengemukakan Kad Pengenalan sebagai penerima yang sah dan menandatangani Wang Pos sebagai akuan terima pembayaran.
The payee must produce I.C and sign the order as an acknowledgement.
- Pembayaran mungkin ditolak sekiranya Wang Pos ini ada sebarang perubahan atau tanda padam atau terkerat atau kotor, terkoyak atau terlipat.
Payment may be refused if the order has any alteration or erasure or is cut or defaced, mutilated or folded.
- Wang Pos ini laku dalam tempoh TIGA BULAN dari tarikh akhir bulan dikeluarkan. Sila tuliskan nama penerima sebelum dikirimkan.
This Postal Order is valid within THREE MONTHS from the last day of the month of issue. Please write the name of beneficiary before sending to the beneficiary.
- Pertanyaan hanya boleh dibuat dalam tempoh SATU TAHUN dari tarikh akhir bulan dikeluarkan.
Enquiries shall be made within ONE YEAR from the last day of the month of issue.

MUSTAHAK
IMPORTANT

Semua pertanyaan hanya boleh dibuat dalam tempoh SATU TAHUN dari tarikh akhir bulan dikeluarkan.

All enquiries shall be made within ONE YEAR from the last day of the month of issue.



**KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
SENARAI SEMAK PENDAFTARAN DIPLOMA / SIJIL KOLEJ KOMUNITI**

Semak dan tandakan '✓' pada petak yang berkenaan sekiranya perkara-perkara berikut telah disediakan sebelum mendaftar pada tarikh yang ditetapkan di dalam surat pemberitahuan pendaftaran.

1. Dokumen Wajib	Catatan
(Peringatan : Kegagalan membawa dokumen-dokumen ASAL akan mengakibatkan pendaftaran anda DITOLAK)	
1.1 Kad Pengenalan	<input type="checkbox"/>
1.2 Surat Tawaran ke Kolej Komuniti	<input type="checkbox"/>
1.3 Sijil atau Slip Keputusan Peperiksaan SPM/SPMV	<input type="checkbox"/>
1.4 Sijil Kolej Komuniti atau Transkrip (bagi permohonan program Diploma)	<input type="checkbox"/>
2. Bayaran	
2.1 Wang Pos / Kiriman Wang bernilai RM200.00 atas nama; Pengarah Kolej Komuniti (<i>nama Kolej Komuniti berkenaan</i>) ATAU Ketua Akauntan Kementerian Pendidikan Malaysia <i>Untuk Kolej Komuniti di Negeri Selangor SAHAJA</i>	<input type="checkbox"/>
2.2 Wang Tunai RM 60.00	<input type="checkbox"/>
2.3 Bayaran Pelbagai RM160.00	<input type="checkbox"/>
3. Dokumen Sokongan	
3.1 Borang-borang Pendaftaran (telah lengkap diisi dan dikepilkan mengikut tertib seperti di bawah)	
a) BHHP1 - Borang Maklumat Peribadi Pelajar	<input type="checkbox"/>
b) BHHP2 - Laporan Pemeriksaan Doktor	<input type="checkbox"/>
c) BHHP3 - Ikrar Pelajar dan Lepas Tanggung	<input type="checkbox"/>
d) BHHP4 - Kebenaran Ibu / Bapa / Penjaga untuk Rawatan Pembedahan	<input type="checkbox"/>
e) BHHP5 - Akuan Pelajar dan Ibu/Bapa/Penjaga	<input type="checkbox"/>
f) BHHP6 - Aku Janji Pelajar	<input type="checkbox"/>
3.2 Sijil atau Dokumen (jika ada)	
a) Sijil Berhenti Sekolah	<input type="checkbox"/>
b) Dokumen – dokumen / Sijil-sijil Kokurikulum	<input type="checkbox"/>
c) Surat Akuan / Testimonial Sekolah	<input type="checkbox"/>
3.3 Gambar warna terkini (ukuran pasport) 4 keping	<input type="checkbox"/>

**KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
SENARAI SEMAK PENDAFTARAN SMK (UPSKILLING / RESKILLING)**

Semak dan tandakan '✓' pada petak yang berkenaan sekiranya perkara-perkara berikut telah disediakan sebelum mendaftar pada tarikh yang ditetapkan di dalam surat pemberitahuan pendaftaran.

1. Dokumen Wajib	Catatan
(Peringatan : Kegagalan membawa dokumen-dokumen ASAL akan mengakibatkan pendaftaran anda DITOLAK)	
1.1 Kad Pengenalan	<input type="checkbox"/>
1.2 Surat Tawaran ke Kolej Komuniti	<input type="checkbox"/>
1.3 Sijil atau Slip Keputusan Peperiksaan SPM/SPMV	<input type="checkbox"/>
1.4 Sijil Kolej Komuniti atau Transkrip (bagi permohonan program Diploma)	<input type="checkbox"/>
2. Bayaran	
2.1 Wang Pos / Kiriman Wang bernilai RM10.00 sebulan atas nama; Pengarah Kolej Komuniti (<i>nama Kolej Komuniti berkenaan</i>) ATAU Ketua Akauntan Kementerian Pendidikan Malaysia <i>Untuk Kolej Komuniti di Negeri Selangor SAHAJA</i>	<input type="checkbox"/>
2.2 Wang Tunai RM 16.00	<input type="checkbox"/>
2.3 Bayaran Pelbagai RM160.00	<input type="checkbox"/>
3. Dokumen Sokongan	
3.1 Borang-borang Pendaftaran (telah lengkap diisi dan dikepilkan mengikut tertib seperti di bawah)	
a) BHHP1 - Borang Maklumat Peribadi Pelajar	<input type="checkbox"/>
b) BHHP2 - Laporan Pemeriksaan Doktor	<input type="checkbox"/>
c) BHHP3 - Ikrar Pelajar dan Lepas Tanggung	<input type="checkbox"/>
d) BHHP4 - Kebenaran Ibu / Bapa / Penjaga untuk Rawatan Pembedahan	<input type="checkbox"/>
e) BHHP5 - Akuan Pelajar dan Ibu/Bapa/Penjaga	<input type="checkbox"/>
f) BHHP6 - Aku Janji Pelajar	<input type="checkbox"/>
3.2 Sijil atau Dokumen (jika ada)	
a) Sijil Berhenti Sekolah	<input type="checkbox"/>
b) Dokumen – dokumen / Sijil-sijil Kokurikulum	<input type="checkbox"/>
c) Surat Akuan / Testimonial Sekolah	<input type="checkbox"/>
3.3 Gambar warna terkini (ukuran pasport) 4 keping	<input type="checkbox"/>

LAPORAN PEMERIKSAAN DOKTOR-REPORT OF MEDICAL EXAMINATION*(Pemeriksaan boleh dijalankan/dilakukan di hospital kerajaan atau swasta)*

Bahagian I: (Untuk dilengkapi oleh calon yang berjaya)

Nama (Huruf Besar)

Name (In block letters): _____

Tarikh lahir

Date of birth: _____

Jantina

Sex: _____

Alamat Pos (Postal Address): _____

Kursus Pengajian

Course of Study: _____

Tahun Kursus

Year of Course: _____

Alamat dalam masa penggal

Address during term: _____

Nama Bapa/Penjaga

Name of Father/Guardian: _____

Pekerjaan

Occupation: _____

Alamat Bapa/Penjaga

Address of Father/Guardian: _____

No. Telepon

Telephone No.: _____

1. Adakah anda atau salah seorang dari keluarga anda pernah mengidap penyakit yang teruk atau telah menjalani pembedahan? Jika ada, nyatakan jenis penyakit dan hubungan si pesakit dengan anda.
Have you or has any member of your family ever had any serious illness or surgical operation? If so, state nature of disease and relationship.

2. Adakah anda atau salah seorang dari keluarga anda pernah mendapat rawatan penyakit batuk kering? Jika ada nyatakan hubungan si pesakit dengan anda.
Have you or has any member of your family ever been under treatment for tuberculosis? If yes, give relationship.

3. Adakah anda atau salah seorang dari keluarga anda pernah menderita sakit otak, pitam atau sawan, atau pernah dirawat di mana-mana pusat kesihatan disebabkan oleh penyakit-penyakit tersebut?
Have you or has any member of your family ever suffered from mental disease, fits or epilepsy, or has been treated in an institution for any kind of these diseases?

4. Adakah apa-apa ubat atau ubat-ubat yang tidak sesuai dengan anda?
Are you sensitive to a particular drug or drugs?

5. Pernahkah salah seorang dari keluarga anda mengidap penyakit lelah atau alergi?
Is there any family history of asthma or allergy?

Saya sahkan bahawa segala keterangan yang saya berikan kepada doktor adalah benar dalam tiap-tiap bahagian.

I hereby certify that information supplied by me to the Medical Examiner is correct in an every particular section.

(Untuk ditandatangani di hadapan Doktor)

(To be signed in the presence of Medical Examiner)

Tandatangan/Signature

BAHAGIAN II: (untuk diisi oleh Doktor yang memeriksa)

Part II: (to be completed by the physician)

(Jika biasa, tuliskan 'biasa'. Jika tidak berikan butir-butir perbezaan daripada keadaan biasa itu)
(Normal, write 'normal'. If not, give particular of any difference from normal).

- : Jantung (*Heart*):
- : Tekanan Darah (*Blood Pressure*): Tinggi, *Max*: Rendah, *Min*:
- : Paru-paru (*Lungs*):
- : Sistem Urat Saraf (*Nervous System*):
- : Alat Penghadaman (*Digestive Organ*):
- : Keadaan dan Kecerdasan Otak (*Mental Condition and Intelligence*):
- : Rangka-Tulang dan Sendi (*Skeleton-Bones and Joints*):
- : Kulit (*Skin*):
- : Pendengaran (*Hearing*):
- : Penglihatan (a) Tanpa Kacamata Kanan Kiri
(*Eyesight*) (*Without Glasses*): (*Right*): (*Left*):
(b) Dengan Kacamata (Jika dipakai) Kanan Kiri
(*With Glasses*) (*If Worn*): (*Right*): (*Left*):
- (c) RABUN WARNA (*COLOUR BLINDNESS*):
- 1. Sebab-sebab kekurangan penglihatan (*Causes of Defect of Sight*):
- 2. Alat Genito (*Urinary Organs*):
- 3. Kencing (a) Ada 'Albumin' atau 'Gula'? (*Is albumin or sugar present?*):
Urine (b) Tanda-tanda penggunaan dadah? (*Sign of drug abuse?*):
- 4. Gigi (*Teeth*):
- 5. Cacat (*Deformities*):
- 6. Tinggi (*Height*): Berat (*Weight*):
- 7. B.C.G. (Tarikh suntikan dilakukan); *B.C.G. (Date of inoculation, if done)*:
- 8. Saya sahkan bahawa pada hari ini saya telah memeriksa penama di atas dan keputusannya adalah seperti dinyatakan dan saya sahkan bahawa pada pendapat saya berdasarkan kepada pandangan khas di bawah 'kenyataan': yang penama di atas adalah mempunyai kesihatan yang memuaskan dan tubuh badan yang sihat dan tidak mengidap sakit otak atau cacat anggota yang menghalang beliau daripada menjalani atau untuk menamatkan kursus pengajian di Kolej Komuniti ini.

I certify that I have this day examined the above-named and the result is as set forth, and I certify that in my opinion, subject to any special observation under 'remark', the above-named is in a good health condition and sound constitution, and not suffering from any mental or bodily defect which is likely to render him unfit to pursue or to complete his studies at the Community College.

Alamat (*Address*):

Tarikh (*Date*):

(Tandatangan dan Kelulusan)
(*Signature and Qualification*)

***Tidak perlu menjalani pemeriksaan X-ray**

IKRAR PELAJAR DAN LEPAS TANGGUNG

(A) IKRAR

Bahawa sesungguhnya saya No. Kad Pengenalan berikrar akan mengikuti segala peraturan yang ditetapkan oleh pihak **Kolej Komuniti** dari semasa ke semasa serta syarat-syarat yang ditetapkan untuk sesuatu kursus yang saya ikuti. Saya juga berjanji tidak akan melibatkan diri dalam apa jua aktiviti yang tidak diingini, yang akan mencemarkan nama baik Kolej Komuniti. Jika saya didapati melakukan kesalahan seperti di atas semasa saya masih menjadi pelajar, saya dengan rela hati sedia menerima sebarang hukuman yang diputuskan oleh pihak Kolej Komuniti, termasuk diberhentikan dari menjadi pelajar, dan ibubapa atau penjaga saya, tidak akan membuat sebarang bantahan ke atas hukuman yang diambil terhadap saya.

(B) LEPAS TANGGUNG

1. Saya sebagai seorang pelajar Kolej Komuniti perlu mengikuti semua aktiviti pembelajaran dan kokurikulum yang berkaitan sepanjang saya di Kolej Komuniti. Aktiviti ini termasuk juga latihan industri dan lawatan sambil belajar anjuran pihak Kolej Komuniti dari semasa ke semasa.

2. Saya faham bahawa semasa menjalani semua aktiviti pembelajaran dan kokurikulum yang berkaitan, sekiranya berlaku kecederaan pada diri saya dan/atau kehilangan atau kerosakan pada harta benda, adalah tanggungjawab saya sendiri. Saya dan ibubapa/penjaga saya tidak akan membuat sebarang aduan, bantahan dan tuntutan yang terbit daripada aktiviti tersebut. Maka dengan ini saya melepaskan tanggungan pihak Kolej Komuniti, dan Kementerian Pendidikan Malaysia dan wakil-wakilnya, kakitangan dan pekerja-pekerja daripada segala tindakan dan tuntutan yang terbit daripada aktiviti tersebut.

Tarikh:

.....
Tandatangan Pelajar

Disahkan oleh:

Tandatangan Ibu/Bapa/
Penjaga*

Disaksikan:

Tandatangan Saksi

Nama:

Nama:

Nombor KP:

.....
Cop Jawatan

Tarikh:

Tarikh:

Senarai Saksi:

Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional, Semua pegawai kerajaan Gred 41 dan ke atas di Kementerian / Jabatan Persekutuan dan Negeri / Pejabat Daerah / Badan Berkanun. Penggawa / Penghulu / Temenggung / Ketua Kampung / Tuai Rumah / Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) / Ketua Kaum / Ketua Masyarakat / Penyelia Pembangunan Mukim (PPM).

**Potong mana yang tidak berkenaan*

KEBENARAN IBU / BAPA /PENJAGA UNTUK RAWATAN PEMBEDAHAN KOLEJ KOMUNITI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Pengarah
Kolej Komuniti

.....

.....

.....

Saya
(*Nama ibu/bapa/penjaga*)

No. KP: ibu/bapa/penjaga* kepada pelajar bernama
..... No. KP:
(*Nama pelajar*) (*Pelajar*)

yang sedang belajar di Kolej Komuniti dengan ini memberi kebenaran kepada tuan atau wakil tuan untuk mengambil sebarang tindakan yang perlu, bersabit dengan rawatan pembedahan yang mungkin diperlukan sekiranya anak/jagaan saya jatuh sakit atau ditimpa kemalangan.

Dalam masa kecemasan sila hubungi saya di nombor telefon berikut:

1. No. Telefon rumah:
2. No. Telefon waris/jiran:
3. No. Telefon Balai Polis/Penghulu/Ketua
Kampung/Penggawa:

..... Disaksikan:
Tandatangan Ibu/Bapa/Penjaga* Tandatangan Saksi

Nama: Nama:

Nombor KP:
.....
Cop Jawatan

Tarikh: Tarikh:

Senarai Saksi:

Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional, Semua pegawai kerajaan Gred 41 dan ke atas di Kementerian / Jabatan Persekutuan dan Negeri / Pejabat Daerah / Badan Berkanun. Penggawa / Penghulu / Temenggung / Ketua Kampung / Tuai Rumah / Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) / Ketua Kaum / Ketua Masyarakat / Penyelia Pembangunan Mukim (PPM).

* Potong yang tidak berkenaan.

AKUAN PELAJAR

SayaNo.Kad Pengenalan:
 dengan sesungguhnya sedar bahawa setelah saya mendaftar sebagai pelajar **Kolej Komuniti**
 maka saya adalah tertakluk kepada semua peraturan bertulis **Kolej Komuniti**
 dan Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib), 1976 (Akta 174) serta
 pindaan-pindaannya.

Tarikh:
 Tandatangani Pelajar

Disahkan Oleh: Disaksikan:
 Tandatangani Ibu/Bapa/Penjaga* Tandatangani Saksi

Nama: Nama:

Nombor KP:
 Cop Jawatan

Tarikh: Tarikh:

AKUAN IBU/BAPA/PENJAGA

Saya *ibu/bapa/penjaga pelajar yang tersebut di atas bersetuju dan berjanji bahawa kami tidak
 akan membuat bantahan atas sebarang tindakan yang diambil oleh **Kolej Komuniti**
 terhadap *anak / jagaan saya berhubung dengan kes-kes
 pelanggaran peraturan-peraturan bertulis **Kolej Komuniti** dan
 Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib), 1976 (Akta 174) serta pindaan-pindaannya.

Disahkan Oleh: Disaksikan:
 Tandatangani Ibu/Bapa/Penjaga* Tandatangani Saksi

Nama: Nama:

Nombor KP:
 Cop Jawatan

Tarikh: Tarikh:

Senarai Saksi:

Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional, Semua pegawai kerajaan Gred 41 dan ke atas di Kementerian / Jabatan Persekutuan dan Negeri / Pejabat Daerah / Badan Berkanun. Penggawa / Penghulu / Temenggung / Ketua Kampung / Tuai Rumah / Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) / Ketua Kaum / Ketua Masyarakat / Penyelia Pembangunan Mukim (PPM).

* Potong yang tidak berkenaan.

AKU JANJI PELAJAR

Saya
 No. Kad Pengenalan dengan sesungguhnya dan sebenarnya berjanji bahawa saya akan mematuhi semua undang-undang, kaedah-kaedah, peraturan-peraturan dan apa-apa arahan yang terpakai kepada pelajar-pelajar **Kolej Komuniti** yang dibuat dari semasa ke semasa sepanjang saya menjadi seorang pelajar Institusi. Maka dengan ini saya berjanji bahawa saya antara lain:

- (a) akan mematuhi subseksyen 10(1) Akta Institusi-Institusi Pelajar (Tatatertib) 1976 serta pindaan-pindaannya [Akta 174], untuk tidak menjadi ahli, atau dengan apa-apa cara bersekutu dengan, mana-mana persatuan, parti politik, kesatuan sekerja atau mana-mana jua pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang lain, sama ada atau tidak ianya ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang, sama ada ianya di dalam Institusi atau di luar Institusi, dan sama ada ianya di dalam Malaysia atau di luar Malaysia, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan oleh atau di bawah Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 serta pindaan-pindaannya, atau kecuali sebagaimana yang diluluskan terlebih dahulu secara bertulis oleh Menteri Pendidikan Malaysia;
- (b) akan mematuhi subseksyen 10(3) Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 serta pindaan-pindaannya untuk tidak menyatakan atau berbuat sesuatu yang boleh ditafsirkan sebagai menyatakan sokongan, simpati atau bangkangan terhadap mana-mana parti politik atau kesatuan sekerja atau sebagai menyatakan sokongan atau simpati dengan mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang haram;
- (c) akan mematuhi peruntukan berkenaan dengan tatatertib am sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Institusi Pelajaran (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1976 serta pindaan-pindaannya termasuklah:
 - (i) tidak akan melanggar peruntukan berhubung dengan larangan-larangan am, yang antara lain termasuklah:
 - (a) tidak akan merosakkan atau mendatangkan mudarat kepada kepentingan, kesentosaan dan nama baik Institusi, mana-mana pelajar, kakitangan, pegawai atau pekerja Institusi;
 - (b) tidak akan merosakkan atau mendatangkan mudarat kepada ketenteraman atau keselamatan awam, akhlak, kesopanan atau tatatertib; dan
 - (c) tidak akan melanggar mana-mana peruntukan mana-mana undang-undang bertulis, sama ada di dalam atau di luar kampus;
 - (ii) peruntukan berkenaan dengan kehadiran dalam kuliah, latihan amali, pakaian dan penampilan diri, menduduki peperiksaan, sekatan mengenai penggunaan teks kuliah;
 - (iii) peruntukan berkenaan dengan mengorganisasi perhimpunan, penggunaan pembesar suara, panji-panji dan plakad-plakad;
 - (iv) peruntukan berkenaan dengan penerbitan, pembahagian dan pengedaran dokumen-dokumen;
 - (v) peruntukan berkenaan dengan aktiviti pelajar di luar kampus dan penglibatan pelajar dalam apa-apa pekerjaan;

- (vi) peruntukan berkenaan dengan larangan berjudi, minum atau memiliki minuman keras, memiliki bahan lucah, memiliki dan menggunakan dadah dan racun; dan
- (vii) peruntukan berkenaan dengan kebersihan di dalam kampus, kawasan larangan dan kad pelajar;
 - (a) akan mematuhi peruntukan berkenaan dengan tata tertib asrama sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Institusi Pelajaran (Tata tertib Pelajar-Pelajar) 1976 serta pindaan-pindaannya; dan
 - (b) akan mematuhi peruntukan berkenaan dengan tata tertib lalu lintas jalan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Institusi Pelajaran (Tata tertib Pelajar-Pelajar) 1976 serta pindaan-pindaannya.

Saya sesungguhnya faham bahawa sekiranya saya tidak mematuhi mana-mana peruntukan dalam undang-undang, kaedah-kaedah, peraturan-peraturan atau arahan tersebut, maka tindakan boleh diambil ke atas saya menurut peruntukan undang-undang, kaedah-kaedah, peraturan-peraturan atau arahan berkenaan, termasuklah disingkirkan daripada Institusi.

..... Tarikh:

(Tandatangan Pelajar)

Nama Pelajar :

No. Kad Pengenalan :

Program :

..... Tarikh:

(Tandatangan Saksi Pelajar)

Nama Saksi :

Jawatan Saksi :

Cop Rasmi :

Senarai Saksi:

Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional, Semua pegawai kerajaan Gred 41 dan ke atas di Kementerian / Jabatan Persekutuan dan Negeri / Pejabat Daerah / Badan Berkanun. Penggawa / Penghulu / Temenggung / Ketua Kampung / Tuai Rumah / Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) / Ketua Kaum / Ketua Masyarakat / Penyelia Pembangunan Mukim (PPM).

** Potong yang tidak berkenaan.*